

SEJARAH TINGKATAN 2

BAB 10: SARAWAK DAN SABAH

BAHAGIAN A Soalan Objektif

1 Apakah bukti yang menunjukkan Santubung muncul sebagai kerajaan yang mempunyai pelabuhan di lembah sungai Sarawak?

- A Penemuan peralatan tembikar zaman Dinasti T'ang dan Sung
- B Jumpaan gendang jenis Moko di Santubung
- C Peralatan logam yang ditemui di Sungai Rajang
- D Penemuan artifak di Gua Niah

2 Siapakah yang memainkan peranan menyebarkan agama Islam di pantai timur Sabah?

- A Kerajaan Majapahit
- B Kerajaan Sambas
- C Kerajaan Srivijaya
- D Kesultanan Sulu

3 Setiap kaum di Sarawak mempunyai ketua dan gelaran yang berbeza.

Apakah gelaran ketua bagi masyarakat Iban?

- A Peran Lepo
- B Hipun Uma
- C Laih Rayeh
- D Tuai Rumah

4 Gambar berikut merupakan aktiviti pembuatan sagu di Sarawak.



Kaum apakah yang terlibat dalam aktiviti tersebut?

- A Iban dan Bisaya
- B Kedayan dan Punan
- C Kelabit dan Kayan
- D Melanau dan Melayu

5 Antara berikut, yang manakah berkaitan kaum Bajau/Sama yang tinggal di kawasan pantai barat Sabah?

- I Berasal dari Sambaungan
 - II Budaya menunggang kuda
 - III Terkenal dengan tarian Magunatip
 - IV Kebanyakannya tinggal di Sungai Sugut
- A I dan II C I dan IV
 - B II dan III D III dan IV

6



Apakah kepentingan Pasar Tamu kepada masyarakat Sabah?

- A Pertemuan para peniaga
- B Pertemuan kaum-kaum di Sabah
- C Pusat jualan barang basah sahaja
- D Dimonopoli oleh satu kaum sahaja

7 Apakah fungsi Pida dalam kalangan masyarakat tempatan di Sabah?

- A Upacara perkahwinan
- B Memburu binatang
- C Memotong rumput
- D Menuai padi

8 Apakah tujuan kaum Melanau mengadakan Pesta Kaul?

- A Meraikan perkahwinan
- B Mengelak malapetaka buruk
- C Meraikan semangat padi
- D Mengeratkan perpaduan kaum

9 Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan rumah panjang kepada masyarakat di Sabah dan Sarawak?

- I Tujuan keselamatan
 - II Tempat menyimpan senjata
 - III Tempat menyimpan tengkorak
 - IV Bukti wujud kerjasama masyarakat
- A I dan II C I dan IV
B II dan III D III dan IV

10 Apakah kegunaan lepa yang dihasilkan oleh kaum Bajau/Sama di pantai timur Sabah?

- A Kubu pertahanan
- B Tempat kediaman
- C Tempat pemujaan
- D Tempat menyimpan senjata